

MAHATHIR - PENDATANG

GENTING HIGHLANDS, 22 MAC (BERNAMA) -- PENDATANG HARAM FILIPINA DAN INDONESIA, YANG KINI BANYAK TERDAPAT DI SABAH, AKAN DIHANTAR BALIK KE NEGARA MASING-MASING, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD. BAGAIMANAPUN, KERAJAAN AKAN MENGAMALKAN +SIFAT PERIKEMANUSIAAN+ DALAM USAHA ITU, KATA PERDANA MENTERI KETIKA MENGULAS MENGENAI KEHADIRAN PENDATANG HARAM FILIPINA DAN INDONESIA DI SABAH.

+KITA AKAN TENTUKAN MEREKA YANG HARUS DIHANTAR PULANG DAN TENTUKAN YANG MEREKA AKAN DIHANTAR BALIK,+ KATANYA KETIKA MENJAWAB SOALAN PEMBERITA DALAM PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS PERJUMPAANNYA DENGAN PEGAWAI TINGGI KERAJAAN DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BAGAIMANAPUN LANGKAH-LANGKAH MENGHANTAR PENDATANG-PENDATANG HARAM ITU PULANG BUKANLAH SATU KERJA MUDAH.

TIMBALAN KETUA MENTERI SABAH, DATUK JOSEPH KURUP SEMALAM MELAHIRKAN KEKHUATIRANNYA MENGENAI PENDATANG HARAM DI SABAH KERANA IA TELAH MENYEBABKAN MASALAH-MASALAH SOSIAL, EKONOMI DAN POLITIK DI NEGERI ITU. -- LAGI.

1745MST 22 03 90

D852

U B512 DEB

MAHATHIR - PENDATANG 2 GENTING HIGHLANDS

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA MASALAH PENDATANG HARAM ITU SUKAR DIATASI KERANA KAWASAN PERAIRAN PANTAI SABAH SUKAR UNTUK DIKAWAL SEPENUHNYA.

BANYAK DARIPADA MEREKA YANG TELAH DIHANTAR PULANG KE NEGERI ASAL, KEMBALI SEMULA KE SABAH, KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENGULANGI NASIHATNYA SUPAYA KEGIATAN PENGUMPULAN TANDA TANGAN OLEH BEBERAPA KUMPULAN AGAMA BAGI MEMBANTAH PELAKSANAAN PENYERAPAN NILAI-NILAI ISLAM, SUPAYA MEMBERHENTIKAN TINDAKAN MEREKA.

BEBERAPA ORANG PEMIMPIN AGAMA BUDDHA, KRISTIAN, HINDU DAN SIKH DIKATAKAN TERBABIT DALAM GERAKAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERHARAP SUPAYA ISU ITU TIDAK DIBINCANG SECARA TERBUKA KERANA IA ISU SENSITIF.

KETIKA DITANYA MENGENAI TARIKH PERJUMPAAN ANTARA BELIAU DENGAN KUMPULAN ITU, BELIAU BERKATA TARIKH PERJUMPAAN BELUM DITETAPKAN TETAPI BELIAU BERHARAP AKAN MENGADAKAN PERJUMPAAN ITU TIDAK LAMA LAGI. -- LAGI.

1747MST 22 03 90

D902

R B516 DEB

MAHATHIR - PENDATANG 3 GENTING HIGHLANDS

KETIKA MENGULAS CADANGAN PRESIDEN SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH MENGENAI PENUBUHAN SATU BADAN UNTUK MENYIASAT SUMBER KEWANGAN PARTI-PARTI POLITIK TERMASUK BARISAN NASIONAL, PERDANA MENTERI BERKATA LANGKAH ITU TIDAK PRATIKAL.

KATANYA: +TAKKANLAH SETIAP KALI KITA HENDAK BUAT APA-APA, KITA PERLU TUBUH SURUHANJAYA... NANTI KITA TIDAK ADA KERJA LAINLAH,+ KATANYA.

TAMBAHAN PULA, KATA BELIAU, TENGGU RAZALEIGH PERNAH MENJADI BENDAHARI UMNO DAN DENGAN ITU MENGETAHUI SUMBER-SUMBER KEWANGAN UMNO.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU CUMA INGIN TAHU SAMA ADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG MENDAPAT KEWANGAN DARIPADA SUMBER-SUMBER LUAR NEGERI YANG MEMPUNYAI NIAT-NIAT TERTENTU.

KATANYA, KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MEREKA SEKIRANYA MENDAPAT BUKTI BAHAWA PARTI PEMBANGKANG MENDAPAT WANG DARIPADA SUMBER-SUMBER YANG TIDAK DIIZINKAN. -- BERNAMA.